

18/08/1997

Dua faktor Umno masuk Sabah

Shamsul Kamal Amarudin

KOTA KINABALU, Ahad - Umno mengambil keputusan masuk ke Sabah kerana ia mempunyai banyak potensi untuk menjadi negeri termaju di negara ini, selain mudah dibangunkan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, kehadiran Umno adalah atas tuntutan penduduk di negeri ini yang mahu bersama-sama penduduk di Semenanjung menyertai arus pembangunan negara.

"Bagi mencapai hasrat ini, pemimpin Umno Sabah perlu meningkatkan lagi peranan mereka untuk menggerakkan seluruh rakyat negeri ini ke arah matlamat murni itu," katanya dalam perutusan pada buku cenderamata Konvensyen Umno Sabah Keempat, di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata, Umno Sabah perlu menjadi pelopor dalam usaha pembangunan di negeri itu kerana banyak lagi bidang kemajuan yang belum diteroka penduduk tempatan.

Sehubungan itu, beliau berharap konvensyen kali ini melahirkan ketetapan yang lebih bernas demi kepentingan dan pembangunan penduduk dan negeri itu.

"Umno Sabah kini berkembang pesat walaupun baru bertapak kira-kira enam tahun lalu yang secara langsung menunjukkan penduduk di sini semakin sedar betapa perlunya integrasi nasional untuk menikmati pembangunan dan kemajuan.

"Manakala kunci kepada kemajuan itu terletak pada kestabilan politiknya yang bermakna Umno dan parti komponen Barisan Nasional (BN) perlu memeliharanya sepanjang masa," katanya.

Tegasnya, Umno dan komponen BN yang lain harus peka dengan setiap keperluan rakyat tempatan dengan mengamalkan sikap bersatu padu dan bekerjasama dalam memikul tanggungjawab membangunkan negeri.

Sementara itu, Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri, Datuk Osu Sukam, dalam perutusannya berkata, cabaran utama Umno Sabah ialah menanamkan semangat perjuangan kental, menghapuskan sentimen kesukuan dan kenegerian serta memupuk perpaduan dalam parti.

Sehubungan itu, beliau meminta semua pemimpin di setiap peringkat supaya tidak leka sebaliknya sentiasa bekerja keras untuk menghadapi cabaran itu.

"Umno sedang memasuki dasawarsa pertama di Sabah dengan pelbagai program dan agenda politik serta ekonomi bercorak nasional yang cukup menyakinkan.

"Bagaimanapun, jangan gopoh dengan kesuburan ekonomi yang sedang dinikmati sekarang kerana akhirnya kita sendiri akan roboh sedangkan pembangunan sosio-ekonomi rakyat yang perlu diberi keutamaan," katanya.

Katanya, tradisi membela hak dan kepentingan rakyat serta negeri, menjadi tunjang kekuatan Umno yang harus dipertahankan manakala program mengangkat martabat ekonomi dan maruah politik adalah agenda nasional yang harus diperjuangkan.

Osu mengingatkan Umno Sabah bahawa kekuatan parti terletak kepada kesungguhan dan ketelusan dalam perjuangan dengan tidak terlalu mempersoalkan penggantian pucuk pimpinan.

(END)